

19 JUN 2001

MSC-EKSPO

EKSPO MSC-MULTIMEDIA ASIA 2001 JANGKA DIKUNJUNGI 30,000 PELAWAT

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Ekspo MSC-Multimedia Asia 2001, satu gabungan ekspo Koridor Raya Multimedia (MSC) dan Multimedia Asia, menjangka dapat menarik lebih daripada 300 peserta pameran dan 30,000 pengunjung.

Acara yang menumpukan gabungan maklumat dan komunikasi (ICT) itu akan berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) mulai 6 hingga 8 Sept.

Ia merupakan ide pejabat Perdana Menteri dengan matlamat mengujudkan satu acara ICT perdana bertaraf dunia di Malaysia.

Hari ini, Multimedia Development Corporation Sdn Bhd (MDC) dan Majlis Teknologi Maklumat Negara (NITC) menanda tangani satu memorandum persefahaman (MoU) untuk bersama-sama menganjurkan acara berkenaan.

Pengerusi Eksekutif MDC Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah dalam satu kenyataan berkata, dengan membawa bersama sumber-sumber MDC dan NITC serta menggunakan asas pelanggan masing-masing, ekspo bersama itu akan menarik lebih besar kumpulan orang ramai dan yang lebih penting menambah nilai satu sama lain.

Beliau berkata usaha bersama itu adalah selaras dengan konsep perkongsian pintar yang diperjuangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ekspo MSC-Multimedia Asia 2001 juga merupakan salah satu daripada acara penting dalam Mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa Kelima (IAP) tahun ini yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, di mana beliau akan merasmikan ekspo itu.

Ekspo berkenaan yang bertemakan "Agenda eAsia: Penyertaan Digital, Peluang-peluang Digital" akan menampilkan rangkaian aplikasi ICT yang baru, inovasi dan penyelesaian yang diterajui oleh Aplikasi Perdana MSC serta syarikat-syarikat yang terlibat dalam perkhidmatan dan penyelesaian e-dagang, perkhidmatan perunding, pembangunan dan pelbagai sektor komuniti ICT berlainan.

Tiga lagi pameran yang berkaitan akan diadakan bersempena Ekspo MSC-Multimedia 2001. Ia adalah Banking Technologies Asia 2001, Persidangan dan Pameran CARDex Asia 2001 serta Persidangan dan Pameran SOLE 2001, juga dikenali sebagai Simposium mengenai Pembelajaran dalam Talian. -- BERNAMA

ER FR NHD OS